

## PANDUAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH

### SJKC LICK HUNG

Perkara-perkara penting:

A Sebelum ke sekolah

1. Memastikan murid berada dalam keadaan sihat. Sekiranya berlaku gejala demam(suhu badan  $37.5^{\circ}\text{C}$  dan ke atas ), badan lemah , batuk , sakit kerongkong , sukar bernafas dan sebagainya . Murid tidak dibenarkan masuk ke kawasan sekolah, dikehendaki berehat di rumah atau berjumpa doktor dengan segera.
2. Tidak perlu hadir lebih awal , mengikut masa yang ditetap oleh pihak sekolah iaitu selepas jam 6.45 pagi , lalu membuat saringan pemeriksaan suhu badan di pintu masuk.
3. Semasa menjalankan saringan pintu masuk penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter perlu diamalkan dan perbualan atau sentuhan tidak dibenarkan.
4. Menjaga kebersihan diri dan berpakaian bersih ke sekolah.
5. Digalakkan untuk memakai pelitup muka , terutamanya murid yang imuniti rendah.
6. Murid yang menggunakan pengangkutan awam ke sekolah , termasuklah pemandu , perlu memakai pelitup muka.
7. Membawa pensanitasi (hand sanitizer), tisu , sapu tangan atau tisu lembap.
8. Digalakkan membawa bekal makanan dan air minuman yang mencukupi.
9. Sekiranya tidak dapat hadir ke sekolah , perlu maklumkan kepada guru atau menghantar surat permohonan cuti.
- 10.Ibu bapa perlu memberi nombor telefon kepada guru kelas untuk memudahkan pihak sekolah menghubungi ibu bapa.
- 11.Mengikut pelan laluan murid (mengikut warna ) yang ditetapkan oleh pihak sekolah untuk masuk ke bilik darjah:
  - a Hijau – Blok B ( 1G hingga 1J , 2G hingga 2J )
  - b Biru - Blok C ( 2E hingga 2F , 3E hingga 3J , 6E hingga 6J)
  - c Kuning – Blok C (1A hingga 1F , 2A hingga 2D , 3A hingga 3D , 6A hingga 6D)
  - d Ungu – Blok D ( 4A hingga 4J , 5A hingga 5J)

## B Dalam bilik darjah

1. Penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter perlu diamalkan semasa dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah.
2. Himpunan tidak dibenarkan , kurangkan perbualan dengan orang lain , elakkan bersentuhan.
3. Tidak dibenarkan menukar tempat duduk dalam bilik darjah.
4. Tidak dibenarkan menggunakan almari kecil , murid hanya membawa barang keperluan seharian.
5. Tidak dibenarkan bergerak ke kelas lain dan mengurangkan pergerakan .
6. Elakkan sentuh permukaan di tempat awam dan menyentuh mata, hidung dan mulut.
7. Sentiasa memakai pelitup muka , jangan tanggalkan lalu letakkan di atas meja.
8. Elakkan bertukar-tukar alat peribadi seperti alat tulis , buku dan sebagainya.
9. Semasa di sekolah , sekiranya murid yang tidak sihat perlu maklumkan kepada guru dengan segera.Pihak sekolah akan menempatkan murid di bilik kesihatan dan menghubungi ibu bapa.
- 10.Tutup mulut dan hidung dengan sapu tangan atau lengan baju ketika batuk atau bersin , lalu mencuci tangan dengan segera.
- 11.Membuka tingkap supaya pengudaraan yang mencukupi .
- 12.Turun dan naik tangga mengikut pelan yang ditetapkan oleh pihak sekolah, tidak dibenarkan menyentuh susur tangan.

## C Sewaktu rehat

1. Digalakkan membawa bekal makanan dan minuman. Dilarang membawa air berkabornat atau minuman yang mengandungi gula yang tinggi supaya tidak mendatangkan semut.
2. Tidak dibenarkan untuk makan di kantin. Murid boleh menempah makanan terlebih dahulu , makanan akan dibungkus dan dihantar ke kelas.Murid dibenarkan duduk di tempat masing-masing semasa makan , digalakkan membawa sudu dan garpu.
3. Menjaga kesihatan dengan menjaga kebersihan tangan dan kerap mencuci tangan . Sebelum dan selepas makan , batuk serta bersin perlu mencuci tangan

menggunakan sabun atau pensanitasi (hand sanitizer), elakkan menyentuh mata dan hidung.

4. Senyap dan tidak berbual-bual ketika makan
5. Selepas makan , meja perlu dibersihkan dengan tisu lembap atau bersihkan dengan disinfeksi, sampah perlu dibuang ke dalam tong sampah yang bertutup.
6. Tidak dibenarkan mencuci alatan makan di tandas , alatan tersebut perlu dibawa untuk dicuci di rumah.
7. Tidak dibenarkan berkongsi makanan dan alat makan.
8. Ibu bapa tidak dibenarkan untuk menghantar makanan kepada murid.

#### D Dalam tandas

1. Perlu mendapat keizinan guru , setiap kelas dibenarkan dua orang murid untuk bergilir – gilir ke tandas.
2. Mematuhi penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter di luar tandas untuk mengelakkan terlalu ramai murid di dalam tandas.
3. Mencuci tangan sekurang-kurangnya 20 saat dengan menggunakan sabun setelah ke tandas atau bersentuhan dengan benda-benda yang kotor atau berkuman.
4. Mencuci tangan mengikuti 7 langkah mencuci tangan yang betul.
5. Tisu atau pelitup muka yang telah digunakan perlu dibuang ke dalam tong sampah yang bertutup.

#### E Semasa pulang

1. Penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter ketika beratur.
2. Ibu bapa perlu membawa anak tepat pada masa dan meninggalkan sekolah dengan secepat mungkin.
3. Tidak dibenarkan berada di gelanggang bola keranjang , tempat pakir kereta atau kantin sekolah.